



PEJABAT DAERAH/TANAH SEPANG
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 SEPANG
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 03-87061211 / 87061212 / 87061213
Faks : 03-87061731 (Pejabat Pegawai Daerah) /
03-87064612 (Pentadbiran) / 03-87063212 (Hasil) /
03-87061998 (Pendaftaran) / 03-87063262 (Tanah) /
03-87062003 (Pembangunan)
Portal Rasmi : <http://www.selangor.gov.my/sepang>
Balai Penghulu : 03-87686234 (Dengkil) / 03-87061004 (Labu) /
03-31411162 (Sepang)



“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Ruj. Kami : PDS(T)10/2/AM/1-2009 JLD.9(50)

Tarikh : **13** November 2020

Badan Peguam Malaysia

No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur

4th Floor,
Wisma Hangsam,
No. 1, Jalan Hang Lekir,
50000 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Selangor

No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN PENUTUPAN UNIT PENDAFTARAN, BAHAGIAN TANAH, PEJABAT DAERAH / TANAH SEPANG

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa satu (1) kes positif ujian saringan COVID-19 telah dilaporkan di Unit Pendaftaran, Bahagian Tanah, Pejabat Daerah / Tanah Sepang. Sehubungan dengan itu, Unit Pendaftaran, Bahagian Tanah ditutup **mulai Isnin, 9 November 2020 sehingga Jumaat, 20 November 2020** bagi membolehkan tindakan lanjut diambil mengikut SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Berikutan daripada penutupan tersebut, perkara - perkara berikut akan dikuatkuasakan:

- 3.1 **Pengecualian denda lewat bagi perserahan urusan urusniaga** yang tamat pada tempoh di antara 9 November 2020 sehingga 20 November 2020. Diberikan **pelanjutan tempoh masa selama satu (1) bulan** daripada tarikh tamat asal;
- 3.2 **Pengecualian denda lewat bagi kutipan hakmilik** yang tamat pada tempoh di antara 9 November 2020 sehingga 20 November 2020. Diberikan **pelanjutan tempoh masa selama satu (1) bulan** daripada tarikh tamat asal;

...2/-

CEKAP TELUS DAN MESRA



CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : QMS 02383

PEMBERITAHUAN PENUTUPAN UNIT PENDAFTARAN, BAHAGIAN TANAH, PEJABAT DAERAH / TANAH SEPANG

- 3.3 **Pelanjutan tempoh selama satu (1) bulan** daripada tarikh asal semua Surat Kebenaran Pindahmilik/ Gadaian/ Pajakan yang tamat tempoh di antara **9 November 2020 sehingga 20 November 2020**; dan
- 3.4 **Penangguhan semua sesi siasatan lelongan awam dan hakmilik hilang** yang telah ditetapkan di antara tarikh 9 November hingga 20 November 2020. Pentadbiran ini akan menetapkan tarikh yang baru dan akan dimaklumkan secara bersurat kepada pihak yang terlibat.
4. Pegawai - pegawai yang disebutkan di bawah adalah **diberikan kuasa untuk memberi pengecualian** bagi perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan tiga (3) di atas dan boleh dihubungi sepanjang tempoh penutupan Unit Pendaftaran, Bahagian Tanah, Pejabat Daerah/ Tanah Sepang:

| Bil. | Nama/Jawatan | Urusan | Emel |
|------|---|----------------------------|--------------------------------|
| 1 | Noraslamidatul Adawiyah binti Razak Penolong Pegawai Daerah | Semua Urusan | noraslamidatul@selangor.gov.my |
| 2 | Nurul Izza binti Ariffin Penolong Pegawai Daerah | Semua Urusan | nizza@selangor.gov.my |
| 3 | Suhariah binti Mohamad Jani Penolong Pegawai Tadbir | Semua Urusan | suhariah@selangor.gov.my |
| 4 | Mohamad Amin bin Johari Ketua Pembantu Tadbir | Siasatan dan Lelongan Awam | amin.johari@slangor.gov.my |

5. Pentadbiran ini memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul dipihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID S.I.S, P.P.T)
Pentadbir Tanah Sepang

s.k. Fail Timbul

MZH/MOM/DZR/mst-191219

Edaran Dalaman:

1. Tuan Mokhzani Bin Mohamed, A.A.P.
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)
2. Tuan Hazlim bin Hapaz
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Khidmat Pengurusan)
3. Kamaliah binti Mahmud
Norul Hanim binti Ismail
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
(Khidmat Pengurusan) } ***Puan adalah dimohon untuk membuat
hebahan melalui Laman Sesawang
Jabatan***